EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JUN

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia

FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.

PUAN SHAHIDATUL AKHMAM BT RAMBELI

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

SIDANG REDAKSI



Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Cik Nurmaisari Che Anuar
- En. Ahmad Fathi Azhari

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920

Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407



Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.

Pulau Redang

Kuala Terengganu

Kredit: Zachary Black



PROJEK SUKARELAWAN PERPUSTAKAAN

PEMPROSESAN TEKNIKAL BUKU PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTM KAMPUS DUNGUN Bil.3 / 2026


3 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



En. Wan Mohd Harith, Pembantu Pustakawan memberikan taklimat kepada peserta sebelum projek dijalankan.



Proses menampal "Call Number" dan Slip pinjaman buku oleh Sukarelawan Perpustakaaan.



"Call Number" beserta Slip pinjaman buku yang disediakan oleh Sukarelawan Perpustakaan.

DUNGUN, 4 Jun – Tiga pelajar Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) —Ghina Humaira binti Muhamad Saiful Fazli, Nurul Jannati binti Muzahar, dan Nurul Najwa binti Khairi Anuar—telah menjayakan Projek Sukarelawan Perpustakaan Bil. 3/2026 yang berlangsung pada 3 hingga 4 Jun 2026 di Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKD.

Dalam program dua hari tersebut, mereka komited membantu kerja-kerja pemprosesan teknikal koleksi bercetak dengan menyiapkan sebanyak 313 naskhah buku. Setiap buku berjaya dilengkapi dengan nombor panggilan (call number) dan label tulang buku (spine label) yang baharu.

Selain memberikan pengalaman praktikal dalam pengurusan koleksi, projek ini bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan, kerjasama, dan rasa tanggungjawab dalam kalangan mahasiswa. Pihak perpustakaan merakamkan ucapan terima kasih atas dedikasi dan komitmen tinggi yang diberikan oleh para pelajar terbabit dalam menyokong budaya pembelajaran di kampus.

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU

MEMBACA MEMBENTUK ADIWANGSA SIRI- 5

8 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Cik Asmahani Abdullah menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Teka Jumlah Muka Surat Buku



Barisan peminjam buku bertuah

DUNGUN, 8 Jun 2026 – Perpustakaan Cendekiawan Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu (UiTMCT) sekali lagi berjaya menganjurkan Program Jelajah Ilmu: Membaca Membentuk Adiwangsa Siri 5. Program yang berlangsung dalam suasana penuh semangat keilmuan ini telah diadakan di Perkarangan Dataran Dewan Jasmin, bermula jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang.



Pelajar UiTMCT sedang membuat pemilihan bahan bacaan.

Inisiatif murni ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan siri terdahulu (Siri 4) yang diadakan pada 2 Jun 2025 yang lalu, di mana siri tersebut telah berjaya menarik seramai 110 orang pengunjung. Bagi edisi Siri 5 ini, program terus mendapat sambutan luar biasa dengan penglibatan seramai 116 orang pelajar UiTMCT.

SCAN ME

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN

PROGRAM KOLABORATIF AKADEMIK UiTM x SMK TIZ

11 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Barisan peserta dari SMK Tengku Intan Zaharah bersama Guru pengiring

DUNGUN, 11 Jun 2026 – Seramai 137 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Intan Zaharah (SMKTIZ) telah diraikan dalam satu sesi taklimat khas bersempena dengan Program Kolaboratif Akademik UiTM x SMKTIZ. Program yang berlangsung dari jam 3.00 petang hingga 4.30 petang ini telah diadakan di Aras 1, Bangunan Annex Perpustakaan Cendekiawan. Penganjuran program impak tinggi ini merupakan hasil jalinan kerjasama strategik antaran tiga pihak iaitu Fakulti Sains Komputer & Matematik UiTMCT, Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKD, dan SMK Tengku Intan Zaharah, Dungun.



Cik Asmahani Abudullah sedang menyampaikan taklimat perpustakaan kepada para peserta

Satu sesi taklimat khas berkaitan fungsi perpustakaan akademik dalam menyokong kecemerlangan akademik telah disampaikan secara eksklusif oleh Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP), Cik Asmahani Abdullah.

Program ini dirancang bertujuan untuk memberi gambaran awal kepada para pelajar sekolah mengenai suasana pembelajaran di peringkat universiti. Di samping itu, ia juga menjadi wadah penting dalam memupuk minat membaca serta meningkatkan tahap literasi maklumat dalam kalangan generasi muda agar lebih bersedia menghadapi cabaran pendidikan masa hadapan.

SCAN ME

PROGRAM WATERTALK SERIES

MENGENALI KEHIDUPAN MARIN, PEMULIHARAAN LAUT & AKTIVITI SELAM SKUBA

11 Jun 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari





En. Azman Kamaluddin, Pengasas / Pengarah Urusan Scuba Network Adventure, menyampaikan maklumat berkenaan kelebihan struktur laut yang terdapat di Pulau Tenggol

DUNGUN, 11 Jun 2026 – Kelab Aquadiving UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan dan Scuba Network Tenggol Adventure telah berjaya menganjurkan Program Watertalk Series: Mengenali Kehidupan Marin, Pemuliharaan Laut & Aktiviti Selam Skuba. Program yang penuh dengan maklumat dan kesedaran alam sekitar ini telah berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE).

Sesi perkongsian yang interaktif ini telah disampaikan secara eksklusif oleh Encik Azman Kamaluddin, Pengasas merangkap Pengarah Urusan Scuba Network Adventure. Dalam slot berkenaan, beliau memfokuskan perkongsian kepada keunikan dan keindahan ekosistem marin, khususnya yang terdapat di sekitar Pulau Tenggol. Selain itu, para peserta turut didedahkan dengan pengetahuan mendalam mengenai kepelbagaian hidupan laut, kepentingan pemuliharaan sumber marin, serta pengalaman berharga dalam aktiviti selam skuba yang telah menaikkan nama Pulau Tenggol sebagai antara destinasi selam paling terkenal di Negeri Terengganu.

Penganjuran edisi kali ini dilihat berjaya meningkatkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan peserta tentang tanggungjawab bersama untuk memelihara alam sekitar marin. Di samping itu, program ini juga menjadi platform terbaik dalam memupuk minat generasi muda terhadap aktiviti rekreasi berasaskan laut yang sihat dan bermanfaat.

SCAN ME

SESI PAMERAN & PERKONGSIAN

KEBUDAYAAN PELAJAR ANTARABANGSA SEMPENA PROGRAM 'INBOUND MOBILITY HERITAGE'

18 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari





Pelajar Antarabangsa daripada India, Thailand dan Indonesia dibahagikan secara berkumpulan bagi menjayakan sesi pembentangan kebudayaan.

DUNGUN, 18 Jun 2026 – Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE), Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Sesi Pameran & Perkongsian Kebudayaan Pelajar Antarabangsa sempena program 'Inbound Mobility Heritage' 2026 yang berlangsung pada 16 dan 18 Jun lalu. Program berskala antarabangsa yang diadakan dari jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang ini memfokuskan kepada usaha murni memartabatkan perkongsian warisan serta kebudayaan rentas sempadan dalam kalangan mahasiswa.



Barisan pelajar Antarabangsa daripada Sri Eshwar College of Engineering India bersama pameran dari negara mereka



Pelajar dari Yala Rajabhat University (Thailand) memperagakan pakaian traditional mereka

Sesi penuh pengisian dan warna-warni budaya ini telah dihadiri oleh seramai 48 orang delegasi pelajar antarabangsa yang amat teruja berkongsi keunikan negara masing-masing. Komuniti global ini terdiri daripada 31 orang pelajar dari Yala Rajabhat University (Thailand), 10 orang pelajar dari Universitas Islam Negeri Salatiga (Indonesia), dan 7 orang pelajar dari Sri Eshwar College of Engineering (India). Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program interaktif yang berjaya memperkukuh integrasi serta keharmonian budaya sejagat ini.

SCAN ME

KUNJUNGAN HORMAT
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KE YAYASAN PEMBANGUNAN USAHAWAN TERENGGANU

21 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Barisan pengurusan Perpustakaan Cendekiawan bergambar bersama Puan Afnida Aini Alwi, Ketua Pegawai Eksekutif YPU Terengganu



Puan Shahidatul Akhmam Rambeli (tengah), Ketua Perpustakaan Cawangan, memberikan penerangan berkenaan Respositori Keusahawanan

KUALA TERENGGANU, 21 Jun — Pihak Perpustakaan Cendekiawan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu memperkukuh jaringan strategik bersama Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu melalui satu kunjungan hormat yang diadakan di Pejabat YPU Terengganu, hari ini.

Pertemuan tersebut menjadi platform penting dalam merintis hubungan dua hala serta meletakkan batu asas kepada jalinan kerjasama yang lebih erat antara institusi akademik dan agensi pembangunan usahawan negeri. Delegasi daripada Perpustakaan Cendekiawan diketuai oleh Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan UiTM Terengganu, dan disambut baik oleh Puan Afnida Aini Alwi, Ketua Pegawai Eksekutif YPU Terengganu, bersama barisan Ketua Bahagian agensi berkenaan.

SCAN ME

Fokus Utama Kolaborasi

Sesi yang berlangsung selama tiga jam bermula jam 10.00 pagi itu memfokuskan kepada beberapa agenda utama, antaranya:

- Perkongsian Maklumat: Meneroka ruang kolaborasi yang lebih meluas dalam pertukaran data dan kepakaran.
- Sokongan Keusahawanan & Komuniti: Menggerakkan program pembangunan komuniti dan keusahawanan secara bersama.
- Pemantapan Repositori: Memberi tumpuan khusus terhadap usaha mengumpul dan mempertingkat maklumat strategik bagi memantapkan lagi fungsi Repositori Keusahawanan UiTM.



Sesi lawatan ke Studio TikTok yang masih di dalam proses pembangunan di Bangunan Yayasan Pembangunan Usahawan, Kuala Terengganu



Puan Afnida Aini Alwi, Ketua Pegawai Eksekutif YPU Terengganu menyampaikan cenderamata sebagai tanda ingatan kepada pihak Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu

"Kerjasama ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada penyaluran maklumat keusahawanan yang lebih efektif, sekali gus memberi impak positif yang berkesan kepada landskap keusahawanan negeri pada masa hadapan."

Pihak Perpustakaan Cendekiawan turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas sambutan mesra serta komitmen padu yang diberikan oleh pihak YPU Terengganu dalam merealisasikan agenda pengukuhan akademik dan industri ini.

SCAN ME

WACANA PERADABAN

MENELUSURI KEAGUNGAN & KEDAULATAN SEJARAH KESULTANAN NEGERI TERENGGANU

22 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Sesi menandatangani buku pelawat oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya disaksikan oleh Prof Madya Dr. Ermeey Abd. Kadir & Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan.



Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali bergambar bersama Rektor UiTM Cawangan Terengganu bersama wakil pengurusan UiTMCT dan Wakil Unit Adiwangsa.

DUNGUN, 22 Jun – Perpustakaan Cendekiawan Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menganjurkan Program Wacana Peradaban: Menelusuri Keagungan & Kedaulatan Sejarah Kesultanan Terengganu bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE), di sini hari ini. Program yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari itu merupakan satu usaha murni dalam mengupas lipatan sejarah, warisan, serta keunikan kedaulatan negeri Terengganu, sekali gus memberi peluang kepada masyarakat untuk menyelami keagungan tamadun tempatan.



Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya menyampaikan ceramah kepada peserta.



Sesi soal jawab bersama para peserta turut diadakan bagi bertukar pandangan, dan mengemukakan kemusykilan bersama panel jemputan.

Wacana ilmu ini menampilkan tokoh sejarawan terkemuka, Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali daripada Jabatan Sejarah Universiti Malaya sebagai panel jemputan, manakala Dr. Salina Ahmad,Pensyarah Kanan UiTMCT, sebagai moderator. Program ini berjaya menarik perhatian ramai dengan mencatatkan kehadiran seramai 132 orang peserta secara bersemuka, selain menerima sokongan luar biasa menerusi penyertaan secara dalam talian yang mencecah 565 orang peserta.

SCAN ME

BENGKEL WIRA BITARA

BERSAMA PENGAWAS PUSAT SUMBER SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT WAN

24 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Para pelajar Pusat Sumber SK Bukit Wan bergambar bersama Tuan Haji Akram@Amir bin Abdul Majid, Guru Besar SK Bukit Wan dan Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Cendekiawan dan barisan staf UiTMCT.

KUALA TERENGGANU, 24 Jun – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menganjurkan Bengkel Wira Bitara bertemakan "Menggalas Amanah, Memperkasa Khazanah Ilmu" bersama 35 orang Pengawas Pusat Sumber SK Bukit Wan di Kampus Kuala Terengganu, hari ini. Program tiga jam ini bertujuan berkongsi kepakaran universiti dalam membentuk kompetensi kepimpinan pengawas yang cemerlang.



Sesi pertama oleh Cik Asmahabi Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan (M) KUP.

Para peserta didedahkan kepada tiga slot interaktif utama, iaitu Bengkel LEAD-PSS oleh Cik Asmahani Abdullah untuk pembinaan jati diri, Bengkel Bacaan Pantas oleh Encik Faizulkarnain Mamat bagi teknik bacaan efektif, serta Bengkel Canva4U bersama Puan Nurmaisari Che Anuar bagi pendedahan grafik digital promosi perpustakaan.



Para peserta mengadakan perbincangan sebelum melaksanakan tugas yang diberikan.

Program turut diserikan dengan upacara menandatangani Sijil Jaringan Kolaborasi antara Ketua Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT, Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, dan Guru Besar SK Bukit Wan, Tuan Haji Akram@Amir Abdul Majid.



Bengkel bacaan pantas dikendalikan oleh En. Faizulkarnain Mamat teur mendapat sambutan menggalakkan.

Melalui kemahiran baharu yang diperoleh, barisan pengawas ini diharap dapat membantu pihak sekolah secara proaktif dalam merealisasikan sebuah pusat sumber sekolah yang gemilang serta dinamik.

SCAN ME

PERTANDINGAN GUBAHAN PULUT KUNING
ANTARA PERSATUAN / KELAB UiTM CAWANGAN TERENGGANU- PENGLIBATAN KELAB SKATER

24 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari





Cik Asmahani Abdullah bersama Wakil Kelab SKATER yang mengambil tempat dalam Perrtandingan Gubahan Pulut Kuning.



Hasil gubahan pulut kuning yang telah siap.

DUNGUN, 27 Jun – Kelab Students' Knowledge & Technology Resources (SKATER), sebuah kelab mahasiswa di bawah seliaan Perpustakaan Cendekiawan, telah melakar kejayaan membanggakan apabila dinobatkan sebagai Naib Johan dalam Pertandingan Gubahan Pulut Kuning antara Kelab/Persatuan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), hari ini.



Kelab SKATER mengungguli tempat ke-2 Pertandingan Gubahan Pulut Kuning. Hadiah disampaikan oleh Prof Madya Dr. Ermeey Abd. Kadir.

Pertandingan yang diadakan sempena Karnival H.E.P.ness 2026 itu berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Dewan Aspirasi UiTMCT. Dalam persaingan yang cukup sengit, kreativiti dan komitmen tinggi pasukan SKATER menyaksikan mereka hanya dipisahkan dengan perbezaan satu markah sahaja di belakang johan pertandingan.

Pasukan yang dibimbing oleh penasihat kelab, Cik Asmahani Abdullah, diwakili oleh empat orang ahli iaitu Nurah Fazreena Jelani, Nur Zahirah Husna Mohd Khairul, Muhammad Aliff Idham Musa, dan Noraini Sofia Mohamad Zarapi. Pencapaian ini bukan sahaja mempamerkan bakat seni dan semangat kerja berpasukan yang utuh, malah membuktikan kemampuan mahasiswa UiTMCT untuk menyerlah dalam aktiviti luar akademik.

Hadiah kemenangan telah disampaikan sendiri oleh Rektor UiTMCT, YBrs. Prof. Madya Dr. Ermeey Abd Kadir. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga Kelab SKATER atas kejayaan ini!

SCAN ME

CENDEKIAWAN TECHTALK

EVOLUSI AI GENERATIF 2026

24 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Encik Khairul Ikhwan Zulkefly menerangkan kelebihan penggunaan Gemini ai kepada para peserta.

DUNGUN, 29 Jun – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) sukses menganjurkan program Cendekiawan TechTalk: Evolusi AI Generatif 2026 bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE), hari ini. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga kampus mengenai perkembangan terkini, potensi, dan cabaran teknologi Kecerdasan Buatan (AI) generatif.

Sesi perkongsian telah disampaikan oleh Encik Khairul Ikhwan Zulkefly, Ketua Pegawai Eksekutif Gig Venture Sdn. Bhd., yang juga merupakan alumni Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTMCT Kampus Dungun. Beliau mengupas peranan AI generatif dalam mempermudah urusan kerja, meningkatkan kecekapan proses, serta mencetuskan peluang inovasi baharu dalam bidang akademik dan industri.



Para peserta bergambar bersama Encik Khairul Ikhwan Zulkefly di penghujung program sebagai tanda kenang-kenangan.

Program dua jam ini mendapat sambutan luar biasa dengan kehadiran seramai 47 orang peserta secara bersemuka dan 369 orang lagi secara dalam talian. Melalui perkongsian kepakaran industri ini, warga universiti diharap dapat memanfaatkan teknologi AI secara lebih berkesan, kreatif, dan beretika.



Sesi soal jawab bersama para peserta berkenaan keberkesanan penggunaan ai di dalam kehidupan seharian.

SCAN ME

KLINIK PEMULIHARAAN BAHAN

SEMPENA SAMBUTAN HARI ARKIB ANTARABANGSA 2026

24 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Puan Shahidatul Akhmam turut mengambil bahagian dalam menyatukan dokumen dengan dawai kokot



En. Anuar Alias memberikan penerangan berkenaan penjilidan mudah



En. Sotar Wahab menyampaikan taklimat berkenaan jenis- jenis jahitan yang akan dilakukan pada bahan jilidan.

DUNGUN, 29 Jun – Bersempena dengan sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2026, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (PCUiTMCT) Kampus Dungun telah menganjurkan program 'Klinik Pemuliharaan Bahan' di Ruang Legar Majalah Berjilid, di sini hari ini.

Program yang berlangsung dari jam 3.00 hingga 4.00 petang itu bertujuan mendedahkan para peserta kepada teknik, tips penjagaan, serta kaedah pembaikan bahan perpustakaan dengan betul.

Sesi perkongsian ilmu yang sangat bermanfaat ini telah dikendalikan oleh tiga Pembantu Pustakawan Kanan, iaitu En. Mohamad Anuar Alias, En. Sotar Wahab, dan En. Mohamad Hamyasha Yusof. Inisiatif ini amat penting bagi memastikan segala khazanah ilmu dan dokumen bernilai arkib di UiTM sentiasa terpelihara untuk kegunaan masa hadapan, di samping memupuk kesedaran warga kampus untuk bersama-sama menghargai dan menjaga bahan rujukan mereka.

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU@ PERMATA PERPUSTAKAAN BERSAMA UNIT UiTMCTKKT

10 Jun 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar

KUALA TERENGGANU, 10 Jun – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program Jelajah Ilmu@PERMATA bersama Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Kerjaya Kauseling . Program bermula 10.00 pagi sehingga 11.00 pagi di Pejabat HEP





Warga staf yang menyokong Jelajah ilmu @ PERMATA di Pejabat HEP



Staf yang log masuk PERMATA UiTM

Program Jelajah Ilmu @ PERMATA bersama Unit merupakan satu inisiatif perkongsian ilmu yang bertujuan memperkenalkan portal PERMATA Perpustakaan kepada warga universiti. Sesi ini memberi pendedahan menyeluruh tentang pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan bagi membantu pengguna mengakses maklumat dengan lebih mudah, cepat dan efisien.

Antara pengisian utama program ialah penerangan mengenai fungsi-fungsi penting dalam portal PERMATA, termasuk Koleksi Hub Tempatan, Repositori Jawi, dan pelbagai sumber maklumat lain yang menyokong keperluan pembelajaran, penyelidikan serta pemeliharaan warisan ilmu tempatan. Sesi penerangan mengenai eLIB turut diberikan secara mendalam.



Taklimat dan tatacara penggunaan PERMATA kepada warga staf

PROGRAM JELAJAH ILMU@ PERMATA PERPUSTAKAAN BERSAMA UNIT UiTMCTKKT

10 Jun 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar

KUALA TERENGGANU, 10 Jun – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program Jelajah Ilmu@PERMATA bersama Unit Bendahari. Program bermula 11.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari di Pejabat Bendahari.



Warga staf yang menyokong Jelajah ilmu @ PERMATA di Pejabat Bendahari

Program Jelajah Ilmu @ PERMATA bersama Unit merupakan merupakan satu inisiatif perkongsian ilmu yang bertujuan memperkenalkan portal PERMATA Perpustakaan kepada warga universiti serta meningkatkan kesedaran terhadap kemudahan dan perkhidmatan digital yang disediakan oleh perpustakaan.



Taklimat dan tatacara penggunaan PERMATA kepada warga staf

Antara pengisian utama program ialah penerangan mengenai fungsi-fungsi penting dalam portal PERMATA, termasuk Koleksi Hub Tempatan, Repositori Jawi, dan pelbagai sumber maklumat lain. Program ini juga memberi penekanan khusus kepada penggunaan eLIB, iaitu perkhidmatan perpustakaan elektronik yang membolehkan pengguna mengakses buku dan bahan bacaan digital secara mudah, pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

SESI TEMUBUAL BERSAMA PELAJAR

10 Jun 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar



Pelajar bersama Pustakawan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu

KUALA TERENGGANU, 10 Jun – Sesi temu bual bersama pelajar Diploma in Office Technology Management dari Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun berkaitan tugasan bagi subjek Organizational Management and Practices (OBM350).

Perbincangan ini memfokuskan konsep dan amalan Go Green serta kepentingan penerapan elemen hijau dalam persekitaran pejabat bagi meningkatkan kesejahteraan warga kerja serta menyokong kelestarian alam sekitar. Ini untuk memastikan persekitaran kerja yang lebih lestari, tenang dan selesa.

Antara perkara yang diketengahkan ialah amalan penjimatan tenaga elektrik, pengurangan penggunaan kertas melalui pendigitalan dokumen, pengurusan sisa yang lebih sistematik serta penggunaan bahan mesra alam. Selain itu, persekitaran pejabat yang dihiasi dengan elemen hijau seperti tanaman hiasan dan ruang kerja yang teratur turut dilihat mampu mewujudkan suasana yang lebih kondusif, nyaman dan mengurangkan tekanan dalam kalangan pekerja.


Perkongsian mengenai Go Green aka EKSA perpustakaan



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI